


# 40 pelajar Mobiliti antarabangsa China-UMS sertai Karnival Sukan FPEP 2018

UB 27.12.2018 A10

KOTAKINABALU: Seramai 40 pelajar antarabangsa dari ChinayangmengikutiProgram Mobiliti Satu Semester di Universiti Malaysia Sabah (UMS) menyertai Karnival Sukan Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan (FPEP) 2018.

Kumpulan pelajar mobiliti antarabangsa kali ini telah menyertai pertandingan boling, badminton, bola keranjang, pingpong dan acara balapan (100M, 200M, 400M, 4X100M).

Ketua pelajar mobiliti Zhang QiuYang yang berasal dari Shanghai China berkata, ia adalah satu keseronokan untuk pelajar antarabangsa menyertai karnival sukan ini.



**PERBARISAN** Karnival Sukan FPEP UMS.

"Ia suatu pengalaman yang menakjubkan kerana saya dapat melihat semangat kesukuan yang tinggi dan saya kagum dengan *sportsmanship* para pelajar tempatan.

"Kami berasa sangat



**PERTANDINGAN** badminton.

dialukan dan mengharapkan pelajar antarabangsa yang akan datang dapat menyertai lagi aktiviti sedemikian yang dianjurkan oleh Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan (FPEP) Universiti Malaysia Sabah."

jelasnya.

Kong YingYing, pelajar mobiliti berasal dari Beijing yang mengambil program Pengurusan Perhotelan di FPEP, menyatakan beliau merasa beruntung kerana dapat menyertai aktiviti



**PELAJAR** Mobiliti Antarabangsa China.

sebesar demikian pelajar yang disertai hampir seribu pelajar.

"Saya berasa syukur dan sedikit cemas kerana pelbagai sukan saya ikuti, dan dapat bermain dengan pelajar tempatan.

"Kami juga berterima kasih kepada pensyarah dan rakan se-fakulti yang banyak membantu kami, mereka juga

sangat baik dalam sukan.

"Saya sangat menyukai kehidupan saya sebagai pelajar di Malaysia, dan ia merupakan pengalaman yang baik dalam hidup saya.

Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak Fakulti atas keprihatinan yang diberikan kepada kami,"

tegasnya.

Karnival Sukan FPEP 2018

ini telah dirasmi dan ditutup dengan sempurnanya oleh Prof. Dr. Raman Nordin, Dekan Fakulti.

Beliau merakamkan terima kasih kepada hampir seribu pelajar yang menyertai sukan dan perbarisan tersebut. Dr. Arif Kamisan dan Wijaya Kamal Ramli merupakan penasihat program berkenaan.



**PENYERTAAN** pertandingan bola keranjang.